

E-BULETIN EKSA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI JULAI - DISEMBER 2024 | PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



MAJLIS PENUTUP SIRI JELAJAH BENGKEL FAMILIARISASI
GARIS PANDUAN EKSA KKM TAHUN 2024 | 02



MESYUARAT PEMANDU EKSA KKM DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN EKSA KKM | 04

KAMI SEDIA MEMBANTU



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG E-BULETIN EKSA KKM

Penasihat

Datuk Zainal Alhakab Seman
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Yamuna Perimalu

Pegawai Penyelaras

Mona Ang

Pereka Grafik dan Susun Atur

Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin EKSA KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin EKSA Edisi Julai-Disember 2024.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi e-Buletin EKSA KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8892 4449 / 4657
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



Bengkel Familiarisasi Garis Panduan EKSA KKM 2024 Peringkat Zon Tengah

Pada 9 Disember 2024, Jawatankuasa Urusetia Induk telah menganjurkan Bengkel Familiarisasi Garis Panduan EKSA KKM 2024 Peringkat Zon Tengah.

Seramai 200 peserta terdiri daripada warga KKM dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Zon Tengah (JKN Perak, JKN Selangor dan JKWPKL&P) dan *Champion* EKSA KKM.

Penceramah pada hari tersebut ialah Dr. Zubaidah binti Ismail, Pegawai Pergigian Klinik Pergigian Ipoh dan En Mohd Hafiz Abas dari Jawatankuasa Urusetia Induk KKM.





MAJLIS PENUTUP SIRI JELAJAH BENGKEL FAMILIARISASI GARIS PANDUAN EKSA KKM TAHUN 2024

Pada 9 Disember 2024, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyempurnakan Majlis Penutup Siri Jelajah Bengkel Familiarisasi Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) KKM Tahun 2024 di ibu pejabat KKM.

YBhg. Tan Sri KSN melalui Majlis Apresiasi Kepimpinan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 10 September 2024 di Puspanitapuri, Putrajaya telah memberikan penekanan bahawa EKSA merupakan salah satu aspek di bawah Bidang Keberhasilan Reformasi Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030: Memperkukuh Budaya Hijau dan Kelestarian Sumber

Selaras dengan amanat YBhg. Tan Sri KSN, KKM turut sama menyahut dan memperkenalkan Garis Panduan EKSA KKM Edisi 2024 telah dibangunkan selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh MAMPU di mana beberapa aspek pelaksanaan EKSA di KKM telah ditambahbaik, lebih komprehensif, holistik dan disesuaikan dengan demografik dan bidang tugas utama Kementerian ini.



Majlis tersebut turut menyaksikan Penyampaian Buku Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) KKM Edisi 2024 kepada Ketua-Ketua Jawatankuasa Induk EKSA KKM dan Penyelaras-penyelaras EKSA Jabatan Kesihatan Negeri dan Wilayah.

Tutur hadir bersama ialah YBrs. Puan Norli binti Karim, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan, merangkap Ketua Sekretariat Induk EKSA KKM, YBrs. Puan Emillia Rosnizar binti Ahmad Hanipiah, Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Latihan EKSA KKM, YBrs. Noor Rita binti Kassim, Ketua Audit Dalam merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Audit EKSA KKM dan YBrs. Puan Yamuna Perimalu, Ketua Komunikasi Korporat merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Promosi EKSA KKM.





MESYUARAT PEMANDU EKSA KKM DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN EKSA KKM

Pada 19 Disember 2024, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mempengerusikan Mesyuarat PEMANDU EKSA KKM serta menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah pertandingan EKSA KKM bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Sumber Manusia, Aras 9, KKM.

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran serta menggalakkan kreativiti dan inovasi warga kerja KKM di dalam amalan EKSA, Jawatankuasa Promosi Induk KKM telah menganjurkan dua Pertandingan Amalan EKSA, iaitu Pertandingan Video Kreatif EKSA bagi Kategori Zon dan Pertandingan *Cubicle/ Bilik/ Ruang Kerja Terbaik* EKSA bagi Kategori Individu.



Bagi Pemenang Kategori Individu, iaitu Pertandingan *Cubicle/ Bilik/ Ruang Kerja* Terbaik EKSA:

- i. Tempat Pertama - En. Zulraiman bin Ismail dari Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
- ii. Tempat Kedua - Puan Fatmawatiy binti Abd Rahman dari Bahagian Kompetensi.
- iii. Tempat Ketiga - Puan Norhayati binti Abdullah dari Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
- iv. Tempat Keempat - En Mohd. Faizal bin Zaini dari Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
- v. Tempat Kelima - Puan Suhaili binti Pariman dari Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu.



Manakala para pemenang bagi Kategori Zon, iaitu Pertandingan Video Kreatif EKSA:

- i. Tempat Pertama - Bahagian Perkembangan Perubatan.
- ii. Tempat Kedua - Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
- iii. Tempat Ketiga - Bahagian Sumber Manusia
- iv. Tempat Keempat - Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- v. Tempat Kelima - Bahagian Amalan Perubatan



Majlis diteruskan dengan Penyampaian Piala Pusingan bagi Pemarkahan Audit EKSA Terbaik sepanjang Tahun 2024 yang dimenangi oleh Zon Kejururawatan.

Tutur hadir bersama ialah YBrs. Puan Norli binti Karim, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan, merangkap Ketua Sekretariat Induk EKSA KKM, YBrs. Puan Emillia Rosnizar binti Ahmad Hanipiah,

Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Latihan EKSA KKM, YBrs. Noor Rita binti Kassim, Ketua Audit Dalam merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Audit EKSA KKM dan YBrs. Puan Yamuna Perimalu, Ketua Komunikasi Korporat merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Promosi EKSA KKM.

MAJLIS PENYAMPA

**Tahniah kepada para pemenang
Pertandingan Video Kreatif EKSA**



JOHAN
Zon Perkembangan Perubatan



NAIB JOHAN
Zon BSKB



TEMPAT KE-3
Zon Sumber



TEMPAT KE-4
Zon NPRA



TEMPAT KE-5
Zon Amalan

IAN HADIAH EKSA

**Tahniah kepada para pemenang
Pertandingan Cubicle/ Bilik/ Ruang Kerja Terbaik EKSA KKM**



JOHAN:
Zulraiman bin Ismail
(Zon BSKB)



NAIB JOHAN
Fatmawatiy binti Abdul Rahman
(Zon Kompetensi)



TEMPAT KE-3
Norhayati binti Abdullah
(Zon Keselamatan Makanan)



TEMPAT KE-4
Mohd. Faizal bin Zaini
(Zon Perubatan Tradisional &
Komplementari)



TEMPAT KE-5
Suhaili binti Pariman
(Zon BSKB)

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH EKSA



YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, TKSU (P) bergambar bersama-sama para pemenang Pertandingan Video Kreatif EKSA.



YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, TKSU (P) bergambar bersama-sama para pemenang Pertandingan *Cubicle/ Bilik/ Ruang Kerja* Terbaik EKSA KKM.



MESYUARAT PROMOSI INDUK EKSA KKM BIL.1 TAHUN 2024

Jawatankuasa Induk Promosi EKSA KKM telah mengadakan Mesyuarat Promosi Induk EKSA KKM Bil.1 Tahun 2024 pada 29 Ogos 2024 di Bilik Gerakan, KKM yang telah dipengerusikan oleh Puan Yamuna Perimalu, Ketua Komunikasi Korporat merangkap Ketua Jawatankuasa Induk Promosi EKSA KKM.

Tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan aktiviti Promosi EKSA. Semua ahli mesyuarat yang hadir merupakan ahli Jawatankuasa Promosi daripada setiap zon. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Jawatankuasa Induk Promosi EKSA adalah;

- Menerbitkan e-Buletin EKSA KKM 2 kali setahun.
- Mereka bentuk grafik poster dan infografik EKSA.
- Menganjurkan pertandingan EKSA dalam dua kategori iaitu kategori zon dan individu.
- Membuat hebahan kepada semua zon mengenai tarikh pengauditan EKSA dan keputusan audit EKSA kepada semua zon di ibu pejabat KKM.

Selesai mesyuarat, Puan Yamuna Perimalu telah menyampaikan sijil penyertaan kepada zon-zon dan para peserta yang telah menyertai Pertandingan Video Kreatif EKSA dan Pertandingan *Cubicle/ Bilik/ Ruang Kerja* Terbaik EKSA KKM.





JOM
AMALKAN EKSA

GUNA AIR

SECARA BERHEMAH

- Tutup paip air selepas digunakan.
- Laporkan kebocoran atau kegagalan paip untuk berfungsi dengan baik.
- Libatkan diri dalam aktiviti penjimatan air.

 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

 JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM



JOM
AMALKAN EKSA

MELEKATKAN LABEL

PADA PLUG

- Plug pada ruang kerja/kubikel perlu dilabel sebagai contoh plug monitor, CPU, pencetak dan telefon.

 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

 JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM



JOM

AMALKAN EKSA

KABEL ELEKTRIK DIIKAT KEMAS



SEBELUM



SELEPAS



- Wayar atau kabel elektrik disusun kemas dengan menggunakan hos paip beralun, *treasury tags* atau *cable tight*.



JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM



JOM

AMALKAN EKSA

JIMAT TONER



- Kurangkan penggunaan pencetak sekiranya kurang penting sekali gus dapat menjimatkan toner.



JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JOM AMALKAN EKSA

MELETAKKAN TANDA ARAH
LALUAN KECEMASAN



EMERGENCY EXIT
LALUAN KECEMASAN

perlu diletakkan pada
“**ARAS MATA**” (150 cm - 160 cm)
dan warna tanda arah **MERAH**

- Meletakkan TANDA ARAH mengikut ketinggian yang ditetapkan dan dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat.



JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA